



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**5 Jun 2021
24 Syawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Tiga bot pukat tunda degil tangkap ikan di zon larangan
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Tiga bot pukat tunda degil tangkap ikan di zon larangan

LUMUT: Bot nelayan menggunakan pukat tunda di Perak dikesan masih ada yang berdegil melanggar syarat sah lesen dengan menangkap ikan di zon larangan.

Terbaru, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Perak menahan tiga bot nelayan tempatan Kelas B kerana menangkap ikan di kedudukan lebih kurang 3.3 batu nautika barat laut Pulau Talang, Pantai Remis dekat sini, pagi semalam.

Pengarah Maritim Perak, Kepten Maritim Shahrizan Raman berkata, tangkapan tersebut dilakukan ketika anggota pasukan itu melakukan rondaan Op Benteng dan Op Pintas di persempadanan perairan negeri pada pukul 7 pagi.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, setiap bot dikendalikan dua kru warga tempatan berumur dalam lingkungan 30 hingga 65 tahun," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Shahrizan, ketika ditahan, bot-bot itu sedang melakukan aktiviti perikanan berhampiran Pulau Talang

dengan menggunakan pukat tunda sebagai alat penangkapan ikan.

Jelasnya, mereka disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan kurang daripada lima batu nautika seperti kebenaran syarat sah lesen.

Menurutnya, enam kru termasuk tiga tekong ditahan manakala bot serta hasil tangkapan dianggarkan lebih kurang 30 kilogram ikan disita.

Jelasnya lagi, semua nelayan, bot dan hasil tangkapan dibawa ke Pusat Tahanan Vesel (PTV) Kampung Bharu, Sitiawan untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Negeri Perak bagi tindakan lanjut.

Shahrizan memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan maklumat lengkap sebarang kegiatan serupa dan jenayah maritim melalui talian MERS 999 dan Pusat Operasi Maritim Perak 05-6838737 dan berterima kasih di atas maklumat yang telah disalurkan bagi tujuan keselamatan bersama.